



**PEKELILING EDARAN LUAR
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH
BILANGAN 7/2019**

**GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN E-HAILING DI BAWAH
PERNIAGAAN PENGANTARAAN**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan garis panduan perkhidmatan e-hailing di bawah Perniagaan Pengantaraan di Negeri Sabah dan W.P Labuan selaras pewartaan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (1987 (Akta 334) (Pindaan 2017) pada 12 Julai 2018.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Perkhidmatan e-hailing adalah merupakan satu perkhidmatan penempahan kenderaan menggunakan aplikasi mudah alih. Aplikasi ini memadangkan penumpang dengan kenderaan berhampiran dan melibatkan bayaran tambang.

2.2 Pada tahun 2016, Majlis Ekonomi dan Jemaah Menteri telah bersetuju untuk melaksanakan 11 inisiatif di bawah Program Tansformasi Industri Teksi (Program TITP) yang mana salah satu inisiatif di bawah Program TITP ini adalah pengawalseliaan perkhidmatan e-hailing.

2.3 Pada 12 Julai 2018, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (1987 (Akta 334) (Pindaan 2017) telah diwartakan dan sekaligus membolehkan pengawalseliaan perkhidmatan e-hailing oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah melalui pengeluaran lesen kepada syarikat-syarikat yang memberikan perkhidmatan e-hailing.

3.0 PERKARA-PERKARA YANG INGIN DIMAKLUMKAN

3.1 Kriteria Kelayakan Bagi Permohonan LPP

3.1.1 Setiap pemohon perlu berdaftar dengan :

- a) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) samada sebagai Syarikat Sdn. Bhd. Atau Berhad
- b) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebagai koperasi.

3.1.2 Setiap pemohon hendaklah:

- a) Mempunyai Modal berbayar sekurang-kurangnya RM100,000; dan
- b) Mempunyai sekurang-kurangnya seorang pemegang saham berstatus warganegara Malaysia dan menetap di Malaysia (kriteria ini tidak terpakai kepada koperas)

3.2 Spesifikasi Minima Aplikasi

3.2.1 Setiap syarikat yang menawarkan perkhidmatan e-hailing perlu mempunyai spesifikasi minima seperti berikut:

- a) Mempunyai **sistem daftar masuk** pemandu dan penumpang;
- b) Mempunyai fungsi untuk **menganalpasti lokasi** semasa penumpang melalui kemudahan *Global Positioning System* (GPS);
- c) Mempunyai **ruang** yang boleh diisi bagi **lokasi perjalanan bermula dan lokasi perjalanan tamat**;
- d) **Sebelum dan selepas** tempahan berjaya dibuat, aplikasi *e-hailing* tersebut hendaklah dengan jelas **memaparkan anggaran kadar tambang**.
- e) **Selepas tempahan** berjaya dibuat, aplikasi *e-hailing* tersebut hendaklah dengan jelas memaparkan:
 - nama penuh pemandu;
 - gambar pemandu;
 - nombor pendaftaran dan tempoh sah laku Kad Pemandu Elektronik;
 - nombor pendaftaran kenderaan;
 - jenama dan model kenderaan;
 - penarafan tahap perkhidmatan pemandu yang terkini.

- f) Fungsi untuk memberikan **penarafan tahap perkhidmatan pemandu** selepas perjalanan tamat.
- g) Fungsi untuk **membuat aduan, maklum balas dan pertanyaan**;
- h) Fungsi kecemasan yang bersambung terus kepada nombor **panggilan kecemasan 999** dan memaklumkan **sistem kecemasan syarikat pengantara** serta **nombor yang dipilih oleh penumpang** (ahli keluarga).
- i) *Fungsi untuk menyekat kawasan operasi melalui kemudahan geofencing (e.g. kawasan lapangan terbang)*
- j) Fungsi untuk pemandu dan penumpang **memberikan kebenaran menggunakan data peribadi** bagi **tujuan pendaftaran**
- k) Fungsi untuk membuat **tempahan bagi pihak lain**

3.2.2 Bagi fungsi pendaftaran pemandu dan penumpang seperti di Para 3.2.1 (a) maklumat berikut perlu dipohon:

- a) Nama penuh;
- b) Salinan Kad Pengenalan (bagi pemandu dan penumpang warganegara Malaysia atau salinan passport (bagi penumpang yang bukan warganegara Malaysia) yang sah;
- c) Nombor telefon bimbit.

3.3 Spesifikasi Kenderaan

3.3.1 Jenis – jenis kenderaan yang dibenarkan untuk beroperasi sebagai kenderaan *e-hailing* adalah seperti berikut:

- a) Kenderaan e-hailing (persendirian);
- b) Teksi (TX);
- c) Teksi Mewah (TL);
- d) Teksi Lapangan Terbang (TT); dan
- e) Kereta Sewa (TS) (seluruh Sabah).

3.3.2 Spesifikasi Kenderaan e-hailing (Kenderaan Persendirian)

Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan kenderaan e-hailing mematuhi spesifikasi kenderaan seperti jadual berikut:

| Bil. | Spesifikasi | Garis Panduan |
|------|---------------------|---|
| 1. | Model Kenderaan | <p>i. Terbuka kepada semua jenama dan model kenderaan yang memenuhi taraf tiga (3) bintang tahap piawaian Program Penilaian Kereta Baharu Rantau Asia Tenggara (ASEAN NCAP) atau yang setara dengannya di bawah kategori:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Motokar (Kompak & Sedan) b. Kenderaan Pelbagai Guna (MPV & SUV) c. Pikap (Double Cabin) <p>ii. Kenderaan e-hailing yang tidak memenuhi taraf 3 bintang ASEAN NCAP dan telah didaftarkan oleh pemegang LPP sebelum 1 November 2018 dibenarkan untuk terus digunakan sehingga 31 Disember 2022 atau sehingga mencapai had usia 10 tahun (yang mana terdahulu)</p> <p>iii. Kenderaan yang didaftarkan oleh pemegang LPP pada dan selepas 1 November 2018 hendaklah mematuhi garis panduan model kenderaan e-hailing.</p> <p>iv. Kenderaan e-hailing hendaklah mempunyai lebih daripada 2 pintu dan mempunyai 4 roda.</p> |
| 2 | Muatan Tempat Duduk | <p>i. Kenderaan e-hailing hendaklah mempunyai 4 hingga 11 muatan tempat duduk termasuk tempat duduk pemandu.</p> |

| Bil. | Spesifikasi | Garis Panduan |
|------|-----------------|---|
| | | <p>ii. Bilangan penumpang yang dibawa tidak boleh melebihi bilangan tempat duduk penumpang (tidak termasuk tempat duduk pemandu).</p> |
| 3 | Warna Kenderaan | <p>i. Kenderaan e-hailing adalah bebas menggunakan sebarang warna pada badan kenderaan dengan syarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Tidak melebihi 2 warna; b. Tidak berbelang-belang c. Tidak menyerupai warna rasmi atau corak rasmi mana-mana kenderaan agensi penguatkuasa; dan d. Tidak menyerupai mana-mana warna kenderaan perkhidmatan awam yang lain seperti teksi, kereta sewa dan teksi mewah. <p>ii. Penggunaan warna kenderaan juga tertakluk kepada kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).</p> |
| 4 | Usia Melesen | <p>i. Usia melesen kenderaan e-hailing berstatus Terurai Sepenuhnya (Completely Knocked Down – CKD) hendaklah tidak melebihi 9 tahun daripada tarikh ianya didaftarkan di JPJ.</p> <p>ii. Usia melesen kenderaan e-hailing berstatus Dipasang Siap Sepenuhnya (Completely Built-Up – CBU) hendaklah tidak melebihi 9 tahun daripada tahun ianya dibuat oleh pengeluar berkenaan.</p> |

| Bil. | Spesifikasi | Garis Panduan |
|------|------------------------------|---|
| 5 | Had Usia Kenderaan | <p>i. Had usia kenderaan e-hailing berstatus CKD hendaklah tidak melebihi 10 tahun daripada tarikh ianya didaftar di JPJ.</p> <p>ii. Had usia kenderaan e-hailing berstatus CBU hendaklah tidak melebihi 10 tahun daripada tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.</p> |
| 6 | Pemeriksaan Berkala PUSPAKOM | Kenderaan e-hailing yang berstatus CKD dan CBU hendaklah menjalani pemeriksaan berkala dengan PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan telah melebihi usia 3 tahun dari tarikh ianya didaftarkan di JPJ |
| 7 | Tanda Badan | Kenderaan e-hailing hendaklah memaparkan pekat tanda pengenalan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh JPJ. |

3.3.3 Spesifikasi kenderaan bagi Teksi, Teksi Lapangan Terbang, Kereta Sewa dan Teksi Mewah

Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan perkhidmatan e-hailing yang menggunakan teksi, kereta sewa dan teksi mewah hendaklah mematuhi syarat-syarat Teksi, Teksi Mewah, Teksi Lapangan Terbang dan Kereta Sewa (Seluruh Sabah) sedia ada seperti jadual berikut:

| Bil. | Spesifikasi | Garis Panduan |
|------|-----------------|--|
| 1. | Model Kenderaan | i. Terbuka kepada semua jenama dan model kenderaan yang memenuhi taraf tiga (3) bintang tahap piawaian Program Penilaian Kereta Baharu Rantau Asia Tenggara (ASEAN NCAP) atau yang setara dengannya di bawah kategori: |

| Bil. | Spesifikasi | Garis Panduan |
|------|---------------------|---|
| | | <p>a. Motokar (Sedan sahaja) b. Kenderaan Pelbagai Guna (MPV, SUV dan 4WD)</p> <p>ii. Kenderaan hendaklah mempunyai lebih daripada 2 pintu dan mempunyai 4 roda.</p> |
| 2 | Muatan Tempat Duduk | <p>i. Muatan tempat duduk yang dibenarkan adalah seperti berikut:</p> <p>a. TX – 4 penumpang / 5 tempat duduk (Sedan) & 5 penumpang / 6 tempat duduk (MPV)</p> <p>b. TL – 4 penumpang / 5 tempat duduk (Sedan) & 6 penumpang / 7 tempat duduk (MPV)</p> <p>c. TT - 4 penumpang / 5 tempat duduk (Sedan) & 6 penumpang / 7 tempat duduk (MPV)</p> <p>d. TS - 4 penumpang / 5 tempat duduk (Sedan); 6 penumpang / 7 tempat duduk (MPV) dan 4 penumpang / 5 tempat duduk (4WD)</p> <p>ii. Bilangan penumpang yang dibawa tidak boleh melebihi bilangan tempat duduk penumpang (tidak termasuk tempat duduk pemandu).</p> |
| 3 | Warna Kenderaan | <p>i. Warna kenderaan adalah berdasarkan spesifikasi berikut:</p> <p>a. TX – Putih & Merah KOD:15200/14326</p> <p>b. TL – Silver / Putih / Hitam / Biru</p> <p>c. TT - Silver / Putih / Hitam / Biru</p> |

| Bil. | Spesifikasi | Garis Panduan |
|------|------------------------------|--|
| | | <p>d. TS – Bumbung Kuning dan warna badan bebas tetapi tidak boleh berbelang-belang, melebihi 2 warna dan tidak menyerupai warna kenderaan agensi penguatkuasaan.</p> <p>ii. Penggunaan warna kenderaan juga tertakluk kepada kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).</p> |
| 4 | Usia Melesen | <p>i. Usia melesen kenderaan TX, TL, TT, & TS berstatus Terurai Sepenuhnya (Completely Knocked Down – CKD) hendaklah tidak melebihi 10 tahun daripada tarikh ianya didaftarkan di JPJ.</p> <p>ii. Usia melesen kenderaan TX, TL, TT, & TS berstatus Dipasang Siap Sepenuhnya (Completely Built-Up – CBU) hendaklah tidak melebihi 10 tahun daripada tahun ianya dibuat oleh pengeluar berkenaan.</p> |
| 5 | Had Usia Kenderaan | <p>i. Had usia kenderaan TX, TL, TT, & TS berstatus CKD hendaklah tidak melebihi 20 tahun daripada tarikh ianya didaftar di JPJ.</p> <p>ii. Had usia kenderaan TX, TL, TT, & TS berstatus CBU hendaklah tidak melebihi 20 tahun daripada tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.</p> |
| 6 | Pemeriksaan Berkala PUSPAKOM | Kenderaan e-hailing yang bestatus CKD dan CBU hendaklah menjalani pemeriksaan berkala dengan PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan telah melebihi |

| Bil. | Spesifikasi | Garis Panduan |
|------|---------------|--|
| | | usia 3 tahun dari tarikh ianya didaftarkan di JPJ |
| 7 | Tanda Badan | TX, TL, TT, & TS yang menjalankan perkhidmatan e-hailing hendaklah memaparkan pelekat tanda pengenalan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh JPJ. |
| 8 | Pelekat Aduan | TX, TL, TT, & TS adalah wajib memasang Pelekat Aduan berdasarkan spesifikasi dalam Pekeliling LPKP Bil. 4/2019 mengenai Arahan Mempamerkan Pelekat Aduan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Badan Kenderaan Perdagangan |
| 9 | Insurans | Syarikat e-hailing perlu memastikan kenderaan TX, TL, TT, & TS yang memberikan perkhidmatan e-hailing perlu memiliki insurans yang memberi perlindungan kepada pemandu, penumpang, kenderaan dan pihak ketiga serta mempunyai produk insurans e-hailing. |

3.4 Kawasan Operasi

- 3.4.1 Kawasan operasi adalah di seluruh **Sabah sahaja dan W.P Labuan sahaja**
- 3.4.2 Pemandu e-hailing hanya boleh **beroperasi mengikut kawasan** atau negeri **berdasarkan alamat** yang telah **didaftarkan** melalui aplikasi sahaja.
- 3.4.3 Pemandu e-hailing persendirian **tidak dibenarkan** mengambil dan menurunkan penumpang di hentian teksi.
- 3.4.4 Pemandu e-hailing **tidak dibenarkan** mengambil dan menurunkan penumpang di **tempat-tempat atau kawasan-kawasan yang dilarang** di bawah mana-mana peruntukan perundangan yang berkuat kuasa sama ada oleh LPKP atau agensi-agensi Kerajaan yang lain.

- 3.4.5 Pemandu e-hailing (persendirian dan semua kelas lesen teksi) perlu kembali ke wilayah asal dalam **tempoh 24 jam selepas menurunkan penumpang di luar kawasan operasi asal.**
- 3.4.6 Bagi **pemandu** e-hailing yang berada **di luar kawasan operasi asal** selepas menghantar penumpang hanya boleh **membawa / menerima penumpang ke pangkalan asal sahaja.**
- 3.4.7 Pemandu tidak dibenarkan beroperasi secara berpangkalan.
- 3.4.8 Permohonan baharu kenderaan e-hailing di W.P Labuan **DIBEKUKAN** kecuali kelas lesen Teksi.

3.5 Kawasan Operasi Lapangan Terbang

- 3.5.1 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan pemandunya mengambil, menurunkan dan menunggu penumpang di lokasi khas yang disediakan oleh pihak terminal lapangan terbang serta mematuhi syarat-syarat operasi di lapangan terbang tersebut.
- 3.5.2 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan hanya pemandu yang menurunkan penumpang di lapangan terbang sahaja dibenarkan untuk mengambil penumpang di lapangan terbang tersebut.
- 3.5.3 Operasi e-hailing di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) adalah seperti berikut:
 - a. Lokasi menunggu : **Terminal 2 KKIA (Tg. Aru) atau di luar kawasan Terminal 1 KKIA**
 - b. Lokasi mengambil penumpang : **Pintu 5 (Ketibaan Domestik) KKIA**
 - c. Lokasi menurunkan penumpang : **Balai Pelepasan KKIA**

3.6 Model Operasi

- 3.6.1 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan pemandu-pemandu kenderaan *e-hailing* persendirian beroperasi melalui aplikasi *e-hailing* sahaja. Pemandu-pemandu kenderaan *e-hailing* tidak dibenarkan untuk mengambil penumpang melalui tahanan tepi jalan (*street hailing*) ataupun di hentian teksi.
- 3.6.2 Bagi pemandu kelas lesen TX, TS, TT dan TL, pemandu dibenarkan untuk beroperasi melalui aplikasi *e-hailing* dan model operasi yang ditetapkan bagi kelas lesen tersebut selaras maklumat seperti yang tertera di atas lesen sedia ada.
- 3.6.3 Pemegang lesen LPP juga hendaklah memastikan pemandu-pemandunya memberikan perkhidmatan mengikut tempahan yang diterima daripada aplikasi *e-hailing* dan tidak tawar menawar selepas berjaya mendapat tempahan.

3.7 Tambang dan Komisen

- 3.7.1 Kadar tambang yang digunakan bagi perkhidmatan *e-hailing* adalah seperti mana yang ditetapkan oleh pemegang lesen LPP.
- 3.7.2 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan anggaran jumlah tambang pada ketika tempahan dibuat dimaklumkan kepada penumpang sebelum penumpang memilih untuk mengesahkan tempahan
- 3.7.3 Pemegang LPP hendaklah memastikan kadar surcaj yang dikenakan bagi tiap-tiap perjalanan adalah tidak lebih 2 kali ganda daripada tambang asal.
- 3.7.4 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan resit yang boleh dimuat turun dihantar kepada penumpang melalui medium elektronik sebaik sahaja perjalanan tamat.

3.7.5 Pemegang lesen LPP juga hendaklah memastikan resit yang boleh dimuat turun mempunyai maklumat-maklumat seperti berikut:

- a. Nama aplikasi e-hailing;
- b. Nama penuh pemandu;
- c. Nombor pendaftaran dan tempoh sah laku Kad Pemandu Elektronik;
- d. Nombor pendaftaran kenderaan;
- e. Masa dan lokasi perjalanan dimulakan dan tamat;
- f. Jarak perjalanan; dan
- g. Perincian jumlah tambang (termasuk tambang surcaj)

3.7.6 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan kadar komisen yang dikenakan bagi tiap-tiap perjalanan adalah seperti berikut:

- a. Tidak lebih 10% daripada harga tambang boleh dikenakan kepada pemandu-pemandu kelas lesen TX, TS, TL dan TT; dan
- b. Tidak lebih 20% daripada harga tambang boleh dikenakan kepada pemandu-pemandu e-hailing.

3.8 Keperluan Insurans

3.8.1 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan wujudnya perlindungan insurans bagi pemandu, kenderaan, penumpang dan pihak ketiga sebelum mana-mana pemandunya dibenarkan untuk beroperasi.

3.9 Tanggungjawab Pemegang Lesen LPP

3.9.1 Memastikan **pemandu dan kenderaan telah berdaftar** dengan LPKP sebelum dibenarkan untuk beroperasi.

3.9.2 Memastikan pemandu mempunyai **kelengkapan tempahan** yang berfungsi sepenuhnya seperti **telefon pintar dengan bateri** yang mencukupi untuk setiap perjalanan.

- 3.9.3 Memastikan pemandu-pemandu **memenuhi peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan syarat-syarat** berkenaan pemandu yang dikeluarkan dan ditetapkan oleh LPKP dan agensi Kerajaan yang lain.
- 3.9.4 Pemegang LPP hendaklah berkongsi maklumat dan dokumen dengan LPKP Sabah dan agensi-agensi Kerajaan yang lain pada bila-bila masa yang dirasakan perlu.
- 3.9.5 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan perkongsian maklumat data peribadi pemandu dan penumpang adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan 2010.

4.0 TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Garis Panduan dan Arahan yang terdapat di dalam Pekeliling ini akan mula **berkuatkuasa pada 1 Jun 2019.**

5.0 PENUTUP

- 5.1 Pekeliling ini hanya terpakai di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja.
- 5.2 Sebarang maklumat lanjut mengenai perkara ini hendaklah dirujuk kepada Ibu Pejabat LPKPKota Kinabalu, Sabah.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(ARFIAN BIN JULIAN)

Pengarah

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah

Tarikh: 29 Mei 2019

s.k.

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Pengangkutan Malaysia
Setiausaha Bahagian, Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat
Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sabah
Ketua Cawangan LPKP Sandakan
Ketua Cawangan LPKP Tawau